PHOON AH MING

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[RAYUAN JENAYAH NO. 42-44-92]
3 DISEMBER 1993

UNDANG-UNDANG JENAYAH: Rayuan di atas penghukuman - Prinsip penghukuman - Sama ada Mahkamah telah mempertimbangkan unsur-unsur peringanan - Perayu telah mengaku salah, bekerjasama di dalam siasatan polis dan menyerahkan manfaat yang di perolehi - Sama ada pertimbangan atas kesalahan yang dilakukan melibatkan pertimbangan peranan yang dimainkan didalam kesalahan berkenaan.

Perayu telah mengaku salah dan telah di sabitkan kesalahannya dalam menipu Bank Bumiputra Malaysia Bhd wang sebanyak RM 50,000 dan di hukum lapan tahun penjara. Perayu kini merayu ke atas hukuman itu. Adalah alasan rayuan perayu bahawa Mahkamah Sesyen di dalam menjatuhkan hukuman telah gagal mengambil pertimbangan hakikat bahawa perayu telah memberi bantuan sepenuhnya kepada pihak polis, telah menyerah balik segala manfaat yang di perolehi dan telah mengaku salah.

Diputuskan:

[1] Didalam pertimbangan bagi menjatuhkan hukuman, peranan yang dimainkan oleh perayu didalam kesalahan berkenaan perlu dilihat secara keseluruhan.

[2] Perayu telah mengakui menjadi perancang dan telah melaksanakan satu skima penipuan dimana cek-cek yang dikembalikan oleh MIDFCCS bagi permohonan saham yang tidak berjaya telah dipintas melalui pos. Rancangan ini melibatkan pembukaan akaun-akaun bank dengan menggunakan kad pengenalan palsu.

[3] Keseluruhan kerugian atau kehilangan cek-cek berjumlah RM3.7 juta. Kepentingan 150 orang-orang yang telah tidak menerima cek mereka, MIDFCCS, PosMalaysia dan beberapa institusi kewangan telah diletakkan kedalam kesusahan. Amaun sebanyak RM2.4 juta masih belum diperolehi balik.

[4] Perayu sebelum disabitkan diatas tuduhan berkaitan rayuan ini telah mengaku salah diatas tiga tuduhan menipu dibawah Sesyen 420 dan telah hukum penjara selama enam tahun, enam tahun dan tujuh tahun secara serentak.

[5] Kredit untuk faktor-faktor peringinan penghukuman boleh dinafikan sekiranya terdapat sebab-sebab yang wajar untuk menafikannya.

[6] Mahkamah Sesyen adalah betul didalam mengambil kira realiti peranan perayu didalam keseluruhan rancangan itu, dimana kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya merupakan satu bahagian yang kecil sahaja.

[7] Sekiranya satu siri jenayah yang dilakukan oleh beberapa orang terbukti dirancang atau digerakkan oleh seseorang maka penghukuman terhadapnya seharusnya menunjukan pengiktirafan yang sewajarnya kepada takat tanggungjawab jenayah dan yang lebih berat daripada mana-mana hukuman yang dijatuhkan keatas orang-orang lain itu walaupun hukuman terpaksa diasaskan pada satu kesalahan sahaja dengan mana ianya dapat dituduh.

[Hukuman yang telah dikenakan terhadap perayu tidak diubah dan rayuan perayu diatas penghukuman adalah ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:

Mohamed Abdullah Ang Swee Kang lwn. Public Prosecutor [1988] 1 MLJ 167 ***(dibezakan)***

Public Prosecutor lwn. Tan Koon Swan [1987] 1 MLJ 18 ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Kanun Keseksaan, ss. 381, 409, 420, 473, 474

Bagi pihak perayu - Jula Singh; T/n. Paramjit & Co.
Bagi pihak responden - Nuraini bt. Zulkifli, TPR

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Aziz bin Mohamad H:

Pada 27 Jun 1992, perayu, atas pengakuan salahnya sendiri, telah disabitkan atas kesalahan menipu Bank Bumiputra Malaysia Bhd, Cawangan Kampung Baru, akan wang sebanyak RM50,000 dan telah dihukum lapan tahun penjara dari tarikh dia ditangkap, 4 Jun 1992. Dia sekarang merayu terhadap hukuman itu.

Penipuan itu adalah berkaitan dengan penunaian cek yang dikirim melalui pos oleh MIDFCCS kepada seorang bakal pembeli saham-saham Arab Malaysia Finance Bhd. dan dipintas dalam pos. Cek itu ialah untuk

membayar balik wang yang tidak berjaya membeli saham-saham itu. Ramai lagi pembeli-pembeli saham yang tidak berjaya atau separuh berjaya tidak menerima cek-cek untuk harga belian yang dikembalikan kepada mereka melalui kiriman pos. Di Mahkamah Sesyen, perayu telah mengaku dialah orang yang telah merancang supaya cek-cek yang dihantar oleh MIDFCCS itu dipintas semasa dalam pos dan kemudiannya ditunaikan. Dia juga memberitahu Mahkamah bahawa dia telah memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis dan telah mendedahkan kepada mereka butir-butir mengenai rancangannya.

Saya telah mendapati bahawa fakta-fakta yang dikemukakan di Mahkamah Sesyen dan diakui oleh perayu disana tidak mencukupi untuk saya memutuskan rayuan ini dengan sempurna. Saya telah meminta Timbalan Pendakwa Raya mengemukakan selengkap mungkin maklumat tentang rancangan itu dan tentang kerjasama yang telah diberi oleh perayu kepada pihak polis. Saya percaya tidaklah menjadi tidak adil kepada perayu jika saya mengetahui takat penglihatannya dan akibat-akibat rancangan itu sepenuhnya oleh kerana, sesudah perayu sendiri mengakui di Mahkamah Sesyen yang dialah yang telah merancang rancangan itu, maka, tanpa fakta-fakta yang terperincipun, saya tidak dapat lari daripada membuat anggapan seburuk-buruknya terhadap perayu dari pengakuanya itu.

Saya juga telah meminta Timbalan Pendakwa Raya memberitahu Mahkamah tentang pertuduhan-pertuduhan lain terhadap perayu yang berbangkit daripada rancangan itu. Saya percaya maklumat itu adalah sesuatu yang saya mesti mengetahui untuk memutuskan rayuan ini dengan saksama, walaupun mengetahui maklumat itu mungkin akan mempengaruhi pertimbang saya ke hala mudarat bagi perayu. Saya tidak dapat menimbang hukuman yang patut untuk kesalahan yang satu ini yang dilakukan dalam seluruh rancangan itu tanpa menimbang bagaimana pertuduhan-pertuduhan yang lain itu terhadap perayu telah dilupuskan.

Fakta-fakta yang akan berikut kemudian nanti adalah fakta-fakta yang diperolehi dari maklumat yang diberi oleh Timbalan Pendakwa Raya atas permintaan saya itu dan dari rekod rayuan. Saya percaya perayu menerima fakta-fakta itu sebagai benar oleh kerana, apabila saya bertanya kepada peguam bijaksana bagi perayu, sebelum menangguhksn rayuan ini untuk keputusan, sama ada perayu sendiri ingin berkata apa-apa kepada Mahkamah, saya diberitahu dia tidak hendak berkata apa-apa. Walau bagaimanapun, saya tidak fikir perayu mempunyai apa-apa sebab untuk mempertikaikan fakta-fakta itu kerana kebanyakannya pasti telah diperolehi dari pendedahan yang dibuat olehnya sendiri kepada pihak polis.

Rancangan perayu adalah amat mudah pada konsepnya, dan adalah amat bijak kerana kemudahannya, tetapi ia memerlukan bantuan beberapa, dan mungkin ramai, orang untuk menjayakannya.

Langkah utama dalam rancangan itu ialah memintas sampul-sampul surat yang mengandungi cek-cek itu setelah dimasukkan ke dalam pos di Kuala Lumpur dan sebelum dimajukan selanjutnya dalam pos. Untuk tujuan itu perayu telah menggunakan khidmat seorang posmen. Posmen itu dikehendaki memintas sampul-sampul surat itu dan menyerahkan kesemuanya kepada perayu. Satu lagi langkah yang perlu ialah mencari orang untuk membuat kad-kad pengenalan palsu yang berupa sebagai kad-kad pengenalan orang-orang yang kepadanya cek-cek itu ditujukan, iaitu kad-kad pengenalan yang memberi nama dan nombor kad pengenalan orang-orang itu. Mungkin juga kad-kad pengenalan palsu itu menggunakan gambar wajah orang-orang yang akan berlagak sebagai tuan-tuan punya cek-cek itu. Kemudian orang-orang itu, yang digunakan oieh perayu, akan membuka akaun di pelbagai bank dalam nama tuan-tuan punya cek-cek itu dengan menggunakan kad-kad pengenalan palsu itu. Cek-cek itu akan dimasukkan ke dalam akaun-akaun yang berkenaan. Akhirnya amaun yang dikreditkan ke dalam akaun-akaun itu akan dikeluarkan dengan menggunakan kad-kad pengenalan palsu itu.

Itulah apa yang sebenarnya telah dilaksanakan. Perayu telah menggunakan khidmat seorang posmen untuk memintas cek-cek yang telah diposkan oleh MIDFCCS pada 14 April 1992. Kesemuanya seratus lima puluh lima orang diketahui telah kehilangan cek-cek mereka dan seratus lima puluh lima cek telah terlibat, yang amaunnya berjumlah RM3.7 juta. Adalah dipercayai bahawa kesemua seratus lima puluh lima cek itu telah dipintas secara itu. Kesemua

cek-cek itu atau sampul-sampul surat yang mengandunginya telah diserahkan kepada perayu dan perayu telah mengagihkan cek-cek itu kepada orang-orangnya yang telah membuka akaun di pelbagai bank di Lembah Kelang, Selangor dan Seremban dengan menggunakan kad-kad pengenalan palsu. Kesemua cek-cek itu telah dimasuk akaun di bank-bank itu dan kemudiannya amaun-amaun yang dikreditkan telah dikeluarkan dari akaun-akaun yang berkenaan dengan menggunakan kad-kad pengenalan palsu.

Tentang cek yang disebut dalam pertuduhan terhadap perayu yang terlibat dengan rayuan ini, amaunnya ialah RM51, 000. Perayu sendiri, dengan menggunakan kad pengenalan palsu, telah membuka akaun di Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Cawangan Kampung Baru, pada 21 April 1992, dan telah memasukkan cek itu pada hari yang sama dan telah mengeluarkan RM50,000 pada 23 April 1992. Hasil maklumat yang diterima dari orang ramai, dia telah ditangkap pada 3 Jun 1992.

Di sini saya perlu mengatakan bahawa rancangan perayu itu mestilah telah difikirkan dengan cermat dan bijak serta terperinci. Matlamatnya ialah untuk memperkayakan perayu dan orang-orangnya secara salah dengan mendatangkan kerugian kepada bank-bank yang berkenaan atau kepada tuan-tuan punya cek-cek itu. Perayu bukan sahaja perancang rancangan itu tetapi dia juga adalah penyubahat kepada setiap satu kesalahan yang dilakukan oleh setiap daripada orang-orangnya dalam melaksanakan rancangan itu.

Akibat pelaksanaan rancangnn itu, seratus lima puluh lima orang tidak menerima cek cek mereka dan RM3.7 juta telah terjatuh di bawah penguasaan perayu dan orang-orangnya. MIDFCCS dan Pos Malaysia, serta juga bank-bank yang terlibat, telah diletakkan dalam kesusahan. Peristiwa itu telah mewujudkan kegemparan. Institusi-institusi itu terpaksa menghadapi kritikan dan persoalan dari orang ramai. Mereka terpaksa mencuba melakukan sesuatu untuk menebus diri mereka atau untuk memulihkan nama baik mereka.

Jika dipandang selebih daripada semata-mata kepada tuduhan menipu RM150,000 yang menjadi subjek rayuan ini, itulah takat sebenarnya kejenayahan perayu dan akibat-akibatnya. Perbuatan perayu itu adalah amat serius. Ia menjejaskan kepentingan wang seratus lima puluh lima orang dan telah meletakkan MIDFCCS, Pos Malaysia dan bank-bank yaug berkenaan dalam kesusahan. Perayu mestilah telah mengetahui benar-benar tentang akibat-akibat rancangan yang akan dilaksanakan itu. Dari fakta-fakta itu adalah jelas tidak terdapat apa-apa hal keadaan peringan langsung dalam pelaksanaan rancangan itu dan dalam melakukan kesalahan yang menjadi subjek rayuan ini.

Jikapun ada faktor peringan dalam kes ini, ia timbul hanya setelah perayu ditangkap. Setelah begitu bersusah-payah berusaha merancang dan melaksanakan jenayah yang meluas itu, perayu, setelah dia ditangkap, telah memutuskan untuk mendedahkan segala-segalanya kepada pihak polis. Dia telah mendedahkan cara bagaimana rancangannya telah dilaksanakan dan butir-butir lengkap mengenai orang-orang yang membantunya untuk menjayakan rancangan itu dan mengenai akaun-akaun yang telah dibuka di pelbagai bank untuk menyempurnakan rancangan itu, dan hasilnya pihak polis telah dapat mengesan ke mana seratus lima puluh lima cek itu telah pergi, dan telah dapat menangkap beberapa orang yang terlibat. Kesemuanya, pihak polis telah berjaya mendapat balik wang tunai, barang-barang dan saham-saham yang berjumlah RMl,303,507. Dari amaun itu sebanyak RMl,014,349 telah datang dari perayu sendiri, dan adalah diakui bahawa itulah sahaja manfaat yang telah diperolehi oleh perayu. Amaun sejumlah kira-kira RM2.4 juta masih tidak dapat diperolehi balik.

MIDFCCS, Pos Malaysia dan bank-bank yang berkenaan mungkin ada rancangan untuk mcmampasi mangsa-mangsa rancangan perayu itu. Mungkin amaun sebanyak RMl,303,507 yang telah diperolehi oleh pihak polis itu akan digunakan sebagai sebahagian daripada sumber pampasan itu. Sementara itu mangsa-mangsa itu akan menanggung kehilangan wang mereka. Jika amaun sebanyak RM2.4 juta yang masih hilang itu tidak diperolehi balik, maka pihak-pihak tertentu akan menanggung kerugian itu.

Posmen yang telah digunakan untuk memintas cek-cek itu telah mengaku salah atas tuduhan mencuri oleh pengkhidmat di bawa s. 381 Kanun Keseksaan kerana mencuri tiga puluh lima cek itu dan telah dihukum tiga puluh bulan penjara dan didenda RM10,000. Atas rayuan Pendakwa

Raya ke Mahkamah Tinggi, Sulaiman Hashim, P.K. (sebagaimana beliau pada masa itu) telah menggantikan hukuman itu dengan hukuman penjara lima tahun.

Seorang telah mengaku salah atas tuduhan menipu di bawah s. 420 dan telah dihukum penjara lima tahun. Dia tidak merayu terhadap hukuman itu.

Seorang lagi telah mengaku salah atas tiga kesalahan berkaitan dengan pemalsuan-dua di bawah s. 473 dan satu di bawah s. 474. Hukuman bagi dua kesalahan di bawah s. 473 ialah tiga tahun dan lima tahun penjara masing-masingnya dan hukuman bagi kesalahan di bawah s. 474 ialah lima tahun penjara. Kesalahan-kesalahan itu adalah berkaitan dengan kad-kad pengenalan palsu yang telah digunakan dalam rancangan itu.

Seorang lagi telah mengaku salah atas tiga kesalahan menipu di bawah s. 420 dan telah dihukum penjara dua tahun, tiga tahun dan tiga tahun bagi masing-masing kesalahan. Dia telah meninggal dunia maka soal Pendakwa Raya merayu terhadap hukuman itu tidak berbangkit.

Dua orang lagi telah disabitkan atas kesalahan menipu di bawah s. 420 dan tiap-tiap seorang telah dihukum penjara lima tahun, seorangnya setelah mengaku salah dan seorang lagi setelah menuntut dan menjalani perbicaraan. Rayuan-rayuan telah difailkan oleh mereka terhadap hukuman itu.

Dua orang lagi telah menuntut bicara atas tuduhan di bawah s. 420 dan kes-kes mereka masih menunggu keputusan.

Perayu sendiri sebelum disabitkan atas tuduhan yang berkaitan dengan rayuan ini telah mengaku salah atas tiga tuduhan menipu di bawah s. 420 di Mahkamah Sesyen Shah Alam dan telah dihukum penjara enam tahun, enam tahun dan tujuh tahun berjalan serentak. Dia telah memfailkan rayuan terhadap hukuman itu. Setakat yang diketahui oleh Timbalan Pendakwa Raya, tidak ada cadangan untuk mengemukakan tuduhan- tuduhan lain terhadap perayu.

Alasan rayuan perayu yang utama dalam rayuan ini ialah bahawa Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana itu telah gagal mengambil ke dalam pertimbangan beliau hakikat bahawa perayu telah memberi bantuan sepenuhnya kepada pihak polis, telah menyerah balik segala manfaat yang diperolehinya dari rancangan itu dan telah mengaku salah. Itu adalah benar. Beliau tidak menyebut langsung dalam penghakimannya tentang kerjasama di pihak perayu selepas dia ditangkap. Tentang pengakuan salah perayu, beliau enggan mengambilnya dalam pertimbangan dalam mengenakan hukuman. Beliau merasakan bahawa beliau terpaksa bertindak tegas demi kepentingan awam supaya hukuman yang dikenakan akan menghalang orang lain daripada melakukan jenayah seperti itu. Apabila melihat kepada peranan yang dimainkan oleh perayu dalam rancangan itu, kepada hakikat bahawa rancangan itu adalah untuk melakukan kesalahan-kesalahan yang besar-besaran dan kepada akibat-akibat dari pelaksanaan rancangan itu, beliau telah mengambil pandangan yang amat serius terhadap kesalahan-kesalahan itu. Nampaknya dari kes *Mohamed Abdullah Ang Swee Kang lwn. Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167, suatu keputusan Mahkamah Agung, bahawa kredit untuk faktor-faktor peringan boleh dinafikan jika 'there is a proper reason for withholding such credits'. Lihat muka surat 170, ruang kanan, antara D dan E. Tidaklah menjadi alasan rayuan bahawa Mahkamah Sesyen tidak sepatutnya mengambil kira penglibatan perayu dalam rancangan itu pada keseluruhanya dalam menjatuhkan hukuman bagi kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya, tetapi sepatutnya melihat hanya kepada kesalahan sebenar yang dipertuduhkan. Saya berpendapat bahawa hakim yang bijaksana itu adalah betul dalam mengambil kira realiti peranan perayu dalam keseluruhan rancangan itu, di mana kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya merupakan satu bahagiannya yang kecil sahaja. Ini telah dilakukan oleh Lai Kew Chai, J. dalam kes *Public Prosecutor lwn. Tan Koon Swan* [1987] 1 MLJ, 18, kes Singapura, di mana Hakim yang bijaksana itu, selepas mengingatkan diri beliau tentang prinsip bahawa 'the only sentence this Court can mete out is a sentence for the offence for which the accused has been convicted', telah, walau bagaimanapun, bertindak atas asas bahawa "It was also not an offence that could be viewed in isolation", iaitu terasing daripada komplot di mana kesalahan yang dilakukan itu merupakan satu bahagiannya sahaja dan daripada akibat-akibat komplot itu kepada pasaran perdagangan negara itu.

Untuk menimbang sama ada hukuman lapan tahun penjara yang dikenakan ke atas perayu itu adalah betul- dan sama ada kredit patut diberi bagi pengakuan salah dan faktor-faktor lain yang telah disebut tadi - saya rasa adalah adil kes ini dibandingkan dengan kes *Mohamed Abdullah Ang* yang telah disebut tadi. Saya sedar bahawa dalam kes itu sabitannya adalah kerana kesalahan di bawah s. 409, iaitu pecah amanah oleh ejen, tetapi saya berpendapat bahawa kes itu dan kes ini boleh dibandingkan oleh kerana kedua-duanya terjatuh dalam kategori kes-kes yang melibatkan perbuatan curang yang menyebabkan kerugian wang kepada orang lain.

Abdullah Ang adalah pengarah urusan sebuah syarikat. Dia melakukan pecah amanah wang sebanyak RM338,808.80 kepunyaan syarikat itu. Dia telah menggunakan wang itu untuk manfaat sebuah syarikat lain, di mana dia mempunyai kepentingan minimal, yang memerlukan bantuan kewangan. Dari mulanya lagi tidak satu sen pun masuk ke dalam kocek Abdullah Ang. Hasil daripada bantuan itu, syarikat yang dibantu itu telah menjadi suatu perniagaan yang berjaya. Kemudian syarikat itu telah membuat peggantian sepenuhnya, dengan faedah, wang yang telah disalahgunakan itu. Abdullah Ang telah mengaku salah. Mahkamah Agung berpendapat bahawa jika dia telah menuntut bicara, hukuman yang sesuai ialah kira-kira lapan tahun penjara, tetapi memandangkan dia telah mengaku salah dan wang yang telah disalahgunakan itu te1ah diganti, Mahkamah Agung telah menetapkan hukuman empat tahun penjara.

Kes itu adalah suatu kes yang terasing **(isolated)**. Niat di sebalik kesalahan dalam kes itu bukanlah untuk memperkayakan diri Abdullah Ang sendiri secara terus. Dengan penggantian wang itu, syarikat Abdullah Ang tidak kehilangan satu sen pun.

Kes ini adalah jauh beza keseriusannya daripada kes itu. Niat perayu dari mulanya ialah untuk memperkayakan dirinya dan orang-orangnya. Perayu telah memulangkan apa yang diperolehinya hanya kerana dia telah ditangkap. Jumlah yang terlibat ialah RM3.7 juta. Akibat rancangan perayu itu adalah meluas. Tidak kesemuanya wang yang terlibat itu telah diganti balik. RM2.4 juta masih lagi belum dapat balik walaupun dengan kerjasama dan pendedahan sepenuhnya oleh perayu. Perayu tidak mungkin dapat membetulkan sepenuhnya akibat-akibat apa yang dia telah rancangkan. Melihat kepada masalah ini dari sudut pandangan itu, jika Abdullah Ang telah dikenakan penjara empat tahun kerana apa yang dia lakukan, nampaknya kepada saya adalah wajar jika perayu, dalam kes ini, dikenakan penjara lapan tahun kerana kesalahannya, memandang kepada takat sebenarnya kejenayahannya dan akibat-akibatnya dalam rancangan itu, di mana pertuduhan terhadapnya itu merupakan satu bahagian kecil saha ja. Jika saya membenarkan kredit yang biasanya diberi untuk faktor-faktor yang tersebut tadi dan mengurangkan hukumannya kepada, katakanlah, lima tahun atau enam tahun penjara, perayu akan terlepas dengan hanya hukuman yang lebih teruk sedikit daripada Abdullah Ang dan itu, saya rasa, adalah tidak seimbang.

Dalam membuat perbanding itu, saya juga menyedari bahawa hukuman maksimum di bawah s. 409 ialah dua puluh tahun penjara manakala di bawah s. 420 ialah sepuluh tahun penjara, tetapi, sebagaimana juga dalam kes *Mohamed Abdullah Ang* itu Mahkamah Agung berkata bahawa adalah salah pada prinsipnya menggandakan hukuman yang diterima sebagai betul di England bagi kesalahan yang serupa di Malaysia semata-mata kerana hukuman maksimum di Malaysia adalah sekali ganda hukuman maksimum di England, maka begitu juga, pada pendapat saya, tidaklah betul pada prinsipnya, dalam membandingkan hukuman di bawah s. 420 dengan hukuman yang betul di bawah s. 409, jika, secara mekanikal, dibuat pengurangan yang sewajarnya semata-mata kerana hukuman maksimum di bawah s. 409 adalah sekali ganda lebih tinggi berbanding dengan s. 420. Apa yang penting ialah memandang kepada keseriusan dan hal-hal keadaan kesalahan-kesalahan yang dibandingkan itu. Apa yang membuatkan kesalahan pecah amanah Abdullah Ang terjatuh di bawah maksimum dua puluh tahun ialah kerana dia adalah seorang ejen, iaitu pengarah urusan syarikat yang berkenaan. Sekiranya dia adalah seorang pekerja biasa syarikat itu, maksimumnya adalah sepuluh tahun juga di bawah s. 408.

Ada satu lagi cara melihat kepada masalah ini. Perayu telah mengaku salah kerana melakukan tiga kesalahan lain di bawah s. 420 dalam melaksanakan rancangan itu. Hukuman penjara enam tahun, enam tahun dan tujuh

tahun telah dikenakan untuk berjalan serentak. Saya menganggap hukuman itu adalah dari tarikh tangkapan. Maka terdapat empat tuduhan kesemuanya terhadap perayu di bawah s. 420. Jika kesemua tuduhan itu telah dikemukakan serentak di Mahkamah yang sama untuk dilupuskan dalam perspektifnya yang betul, mungkin tidak salah jika dia diberi pengurangan atas tiap-tiap tuduhan kerana faktor-factor peringan yang disebut tadi, tetapi, memandang kepada keseriusan kejenayahan perayu pada keseluruhannya, hukuman-hukuman itu diperintahkan supaya berjalan berturut-turut. Jika, katakanlah, bagi setiap kesalahan dia dihukum tiga tahun sahajapun, empat kesalahan itu akan terjumlah kepada dua belas tahun. Dilihat secara begitu, hukuman penjara lapan tahun yang dikenakan adalah berpatutan. Jika saya mengurangkan hukuman itu kepada, katakanlah, lima tahun, mungkin sukar bagi Hakim yang mendengar rayuan terhadap tiga hukuman lagi itu untuk tidak bertindak serupa. Jika hukuman-hukuman itu dikurangkan kepada lima tahun juga, maka, oleh kerana hukuman-hukuman itu akan ber jalan serentak, akibatnya perayu akan menjalani hukuman lima tahun pen jara sahaja bagi empat kesalahan. Itu adalah terlalu ringan memandang kepada segala hal-hal keadaan kes ini, dan sebabnya ialah kerana perayu, setelah diberi manfaat kredit bagi faktor-faktor peringan itu, diberi pula manfaat hukuman serentak.

Akhir sekali, saya tidak dapat menyingkir dari pertimbangan saya hakikat hukuman ke atas posmen yang telah memintas cek-cek itu. Apabila membenarkan rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman tiga puluh bulan kerana mencuri tiga puluh lima cek, Sulaiman Hashim, PK telah menjatuhkan hukuman penjara lima tahun ke atas perayu. Saya tidak mengetahui apakah sebab-sebab beliau yang sebenarnya bagi meningkatkan hukuman, tetapi tentu sekali beliau telah memandang berat terhadap kesalahan posmen itu, setelah mengambil kira segala hal keadaan dan bahawa kesalahan itu melibatkan banyak cek dan bukanlah satu cek sahaja. Saya perlu mengiktirafkan hukuman itu sebagai suatu hukuman yang wajar. Perayu pula, sebagai orang yang telah mendalangi rancangan itu dan telah menyubahati dan mengawal posmen itu dan orang-orang lain yang digunakan, sepatutnya dihukum dengan hukuman yang lebih berat daripada posmen itu. Apabila satu siri jenayah-jenayah yang dilakukan oleh beberapa orang terbukti telah dirancang dan digerakkan oleh seseorang, orang itu mestilah, setakat yang dimungkinkan oleh undang-undang, dikenakan hukuman yang memberi pengiktirafan yang sewajarnya kepada takat sepenuhnya tanggungjawab jenayahnya dan yang lebih berat daripada mana-mana hukuman yang dijatuhkan ke atas orang-orang lain itu, walaupun hukuman itu terpaksa diasaskan hanya pada satu sahaja kesalahan dengan mana dia dapat dituduh atau dia dirasakan patut dituduh. Jika tidak, hukuman yang dijatuhkan ke atasnya tidak akan dirasai oleh masyarakat sebagai adil.

Atas sebab-sebab itu saya berpendapat saya tidak sepatutnya mengubah hukuman lapan tahun penjara yang telah dikenakan itu dan saya menolak rayuan ini.